

Tertuduh mengaku salah atas 10 pertuduhan hina Rasulullah, agama Islam menerusi Facebook

Dipenjara 10 tahun akibat hina Nabi

Oleh NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF

KUALA LUMPUR - Seorang lelaki yang merupakan pemilik akaun Facebook Ayea Yea dijatuhi hukuman penjara 10 tahun 10 bulan terhadap 10 pertuduhan kelmarin kerana memuat naik komen berbenak hinaan terhadap agama Islam dan Nabi Muhammad SAW.

Tertuduh, Alister Cogia, 22, mengaku bersalah di atas 10 pertuduhan ke atasnya yang dibacakan oleh Ketua Pendakwa Raya Sarawak, Isa Hassim dan Timbalan Pendakwa Raya, Nor Azhari Yusof. Ketika prosiding berlangsung



MOHAMAD FUZI

semalam, tertuduh tidak diwakili oleh peguam.

Hakim Jason Juga yang menjatuhkan hukuman itu turut memerintahkan tertuduh membayar denda RM50,000 bagi kesalahan yang dilakukan sekiranya mahu mengurangkan hukuman penjara 10 bulan.

Menurut pertuduhan, Alister yang berasal dari Singai, Bau, Sarawak didakwa membuat komen yang boleh mengugat keharmonian di Facebook menggunakan akaun Ayea Yea dan dia didakwa melakukan kesalahan tersebut pada 9

Februari lalu, pukul 7.11 malam, 10 Februari, pukul 12.56 tengah malam, 14 Februari, pukul 1.28 pagi dan pada 24 Februari lalu pada pukul 10 dan 10.15 malam.



ALISTER dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuching, Sarawak semalam atas kesalahan menghina Nabi Muhammad SAW.

Dia didakwa mengikut Seksyen 298A(1)(a) Kanun Keseksamaan dan Seksyen 233 Akta Ko-

munikasi dan Multimedia 1998. Terdahulu, Alister ditahan di sebuah rumah yang tidak

bernomor di Singai, Bau pada pukul 12.15 tengah malam pada 3 Mac lalu.

Sementara itu, dalam perkenbangan sama, Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuad Harun berkata, tiga lagi individu lain iaitu pemilik akaun media sosial, @alvinchow333, Danny A Antonio Jr. dan Yazid Kong dikesan melakukan kesalahan berkaitan menghina Nabi Muhammad SAW telah dituduh di ibu negara kelmarin.

"Ketiga-tiga mereka mengaku tidak bersalah dan sebutan semula kes untuk pemilik akaun @alvinchow333 dan Danny A Antonio Jr. adalah pada 5 April ini.

"Sebutan semula kes untuk pemilik akaun Yazid Kong berdasarkan fakta kes serta hukuman akan ditentukan pada 11 Mac ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

KOSMO 10/03/2019 M/S 08